



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

TURUN PADANG SEMPENA PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN (SHMMP) HARI RAYA PUASA 2025

Hari ini saya telah mengadakan sesi turun padang di Aeon Mall Nilai, Negeri Sembilan bersempena bermulanya pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2025 yang berkuatkuasa mulai hari ini, iaitu dari 24 Mac hingga 7 April 2025.

Selain itu, sesi ini juga bertujuan untuk memaklumkan kepada rakyat tentang langkah Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup dan kenaikan harga barangan. Pihak Kementerian sentiasa mengambil usaha dan langkah untuk menstabilkan harga barangan keperluan akibat permintaan yang tinggi bagi menghadapi musim perayaan.

Pada masa yang sama, pelaksanaan Skim ini, merupakan salah satu langkah Kerajaan bagi menjaga serta memelihara kebajikan hidup rakyat terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana di bandar atau di luar bandar bagi persediaan sambutan perayaan Hari Raya Puasa 2025.

Konsep ini sesuai dengan hasrat Kerajaan yang hanya menetapkan harga maksimum. Peniaga digalakkan menjual barangan pada harga yang lebih rendah daripada harga maksimum sekiranya harga yang diperoleh mereka adalah lebih rendah.

Skim ini akan dilaksanakan selama 15 hari iaitu 7 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 7 hari selepas perayaan. Pada tahun ini, Kementerian telah mengenal pasti sebanyak 26 jenis barangan bagi dikawal di bawah Skim kali ini berbanding 22 barangan semasa pelaksanaannya pada tahun 2024.

Sebanyak 4 barangan yang ditambah di seluruh Negara adalah bawang merah kecil India, bawang merah kecil India (Ros), lobak merah dan santan. Senarai barangan yang terlibat di bawah Skim adalah:

- (1) Daging Kerbau Import (India)
(Dikawal di Semenanjung, Sabah dan WP Labuan sahaja)
- (2) Daging Lembu Import
(Dikawal di Sarawak sahaja)
- (3) Daging Lembu Tempatan (kecuali daging batang pinang)
(Dikawal di Semenanjung dan Sabah sahaja)
- (4) Ikan Aya atau Tongkol
(Dikawal di Pahang, Terengganu dan Kelantan sahaja)
- (5) Ikan Demuduk, Sagai, Cermin atau Cupak
(Dikawal di Sabah sahaja)
- (6) Ikan Kembung Termasuk Ikan Mabung (8-12 ekor sekilogram)
- (7) Ikan Selayang (8-12 ekor sekilogram)
- (8) Kubis Bulat Import (Indonesia dan China, tidak termasuk kubis Beijing)
- (9) Sawi Hijau
- (10) Timun
- (11) Tomato
- (12) Cili Merah
- (13) Kacang Panjang
- (14) Lobak Merah
- (15) Bawang Kuning Besar
- (16) Bawang Merah Besar
- (17) Bawang Kecil Merah India

- (18) Bawang Kecil Merah India (Ros)
- (19) Bawang Putih (China)
- (20) Ubi Kentang Import (China)
- (21) Halia Tua Import
- (22) Kacang Tanah
- (23) Cili Kering Kerinting
- (24) Kelapa Biji (Harga borong sahaja)
- (25) Kelapa Parut (Harga runcit sahaja)
- (26) Santan (Harga runcit sahaja)

Kementerian juga, menjalin kerjasama strategik dengan Kementerian lain, terutamanya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang bertanggungjawab dalam pengeluaran makanan bagi mengoptimumkan pengeluaran dan meminimumkan kos pengeluaran. Harga maksimum yang telah ditetapkan di peringkat borong dan runcit boleh disemak melalui laman web Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di www.kpdn.gov.my.

Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa KPDN di seluruh negara telah ditugaskan di lokasi-lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan bagi menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan untuk melindungi pengguna daripada peniaga-peniaga yang tidak beretika.

Kerajaan berharap semua pihak dapat mematuhi harga-harga yang telah ditetapkan ini dan menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya. Adalah diingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:
 - (a) Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau di kompaun sehingga RM50,000; dan
 - (b) Syarikat; boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;
- (ii) kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal:
 - (a) individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan
 - (b) syarikat; boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

Kementerian meminta kerjasama orang ramai untuk membuat aduan salah laku oleh mana-mana pihak berhubung ketidakpatuhan ke atas skim bersama butiran aduan yang lengkap melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-848 8000;
- ii. Call Centre 1-800-886-800;
- iii. E-mel e-aduan@kpdn.gov.my; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN

YB SENATOR DR FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Negeri Sembilan

24 Mac 2025

###